

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana sasaran oleh Kementerian yang mengunjurkan 100 peratus kakitangan dan pelajar IPT yang boleh mendapat vaksin dan berdaftar dengan MySejahtera, akan menerima vaksin lengkap menjelang hujung Oktober ini telah tercapai.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah pun memulakan gerakan dalam memastikan semua warga IPT divaksinasi sepenuhnya sejak Ogos 2021. Malah keputusan Kementerian untuk melaksanakan Fasa Pembukaan Kampus (FPK) secara berperingkat mulai 15 Oktober 2021 mengikut kalender akademik IPT masing-masing **tertakluk kepada pelajar telah lengkap dos vaksin dan melepassi tempoh matang vaksinasi** membuktikan komitmen Kementerian dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan warga IPT.

Pada masa yang sama, Kementerian turut menghargai keputusan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberikan akses secara *walk in* kepada pelajar dan kakitangan IPT di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula 9 September 2021 bagi memastikan

keseluruhan warga IPT divaksinasi sepenuhnya sebelum pulang ke kampus.

Bagi mengukuhkan lagi komitmen Kementerian dalam memastikan 100 peratus warga IPT yang boleh mendapat vaksin dan berdaftar dengan MySejahtera, akan menerima vaksin lengkap sepenuhnya, perkara ini telah dijadikan sebagai KPI 100 hari Menteri Pengajian Tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada IPT, sehingga 30 Oktober 2021, seramai 1,101,779 orang daripada keseluruhan populasi IPT telah divaksin sepenuhnya. Walau bagaimanapun, baki seramai 168,000 orang yakni dalam 15% dari keseluruhan populasi warga IPT masih belum divaksin atas pelbagai faktor seperti kesihatan atau masih belum bersedia untuk menerima vaksin.

Langkah susulan seperti sesi kaunseling dan taklimat khas yang menjelaskan tentang kepentingan pengambilan vaksin serta memberi penerangan kepada golongan terbabit bahawa vaksinasi tidak membawa keburukan akan diadakan secara berterusan bagi memastikan semua warga IPT divaksin sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN
 HAJI NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN

**DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pengeluaran melibatkan akaun 1 dan 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melibatkan pengeluaran i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra dan apakah perancangan bagi memastikan pencarum masih mempunyai baki yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan selepas persaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran i-Lestari, i-Sinar, dan i-Citra adalah program-program pengeluaran khas yang diperkenalkan oleh KWSP dan terbuka kepada ahli di bawah umur 55 tahun tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan bagi membantu kelangsungan hidup ahli dalam menempuh cabaran dan impak Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19.

Kadar kelulusan dan amaun pengeluaran i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra

Bilangan ahli yang telah membuat pengeluaran i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra dan amaun pengeluaran yang diluluskan adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Bilangan Ahli dan Amaun Pengeluaran i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra (Setakat 30 September 2021)

| Jenis Pengeluaran | Bilangan Ahli | Amaun Diluluskan |
|----------------------------------|------------------|-------------------------|
| i-Lestari | 5.27 juta | RM 20.78 bilion |
| i-Sinar | 6.57 juta | RM 58.78 bilion |
| i-Citra | 5.20 juta | RM 21.45 bilion |
| Jumlah Ahli Yang Terlibat | 7.35 juta | RM 101.01 bilion |

Secara keseluruhannya, seramai 7.35 juta ahli atau 58% daripada 12.6 juta ahli yang berumur di bawah 55 tahun telah memanfaatkan pengeluaran khas ini.

Pengeluaran khas ini telah memberikan kesan jangka panjang iaitu pengurangan jumlah simpanan persaraan. Selain impak daripada pengeluaran-pengeluaran khas tersebut, terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi jumlah simpanan persaraan yang rendah ialah tahap gaji yang rendah, caruman yang tidak konsisten, pengeluaran pra-persaraan

yang lain-lain dan kadar kesedaran perancangan persaraan dan celik kewangan yang rendah.

Menyedari situasi ini, pelbagai langkah dan inisiatif telah, sedang dan akan dijalankan oleh KWSP untuk membantu ahli-ahlinya mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi kelak.

Penambahbaikan berterusan Skim KWSP

Selaras dengan usaha bagi membantu ahli meningkatkan kecukupan simpanan persaraan tersebut, penambahbaikan berterusan ke atas Skim KWSP telah dilaksanakan seperti berikut:-

- i. Pengeluaran Umur 55 Tahun dan Pengeluaran Umur 60 Tahun yang lebih fleksibel di mana ahli boleh membuat pilihan bayaran pengeluaran sama ada secara sekaligus, bulanan, dividen tahunan sahaja atau apa-apa amaun pada bila-bila masa. Ini bertujuan untuk menggalakkan ahli memilih bayaran pengeluaran secara berkala atau bulanan. Dengan ini, simpanan ahli akan terus menerima dividen tahunan dan dapat bertahan dengan lebih lama;
- ii. Tempoh tanggungan mencarum iaitu ahli dan majikan wajib mencarum sehingga umur 75 tahun, sekiranya ahli masih bekerja;
- iii. Bagi menggalakkan ahli terus kekal aktif bekerja dan majikan mengambil pekerja berumur 60 tahun dan ke atas, KWSP tidak mengenakan apa-apa caruman kepada pekerja, manakala, majikan diwajibkan mencarum hanya sebanyak 4%;
- iv. Memperkenalkan i-Saraan bagi membolehkan golongan yang bekerja sendiri atau mereka yang tiada pendapatan tetap mencarum secara sukarela kepada KWSP. Sebagai insentif, Kerajaan menyumbang 15% daripada caruman, tertakluk kepada jumlah maksimum RM250 setahun;
- v. Memperkenalkan I-Suri bagi bertujuan untuk menjaga kebajikan golongan wanita khususnya suri rumah, dengan matlamat menyediakan simpanan untuk kegunaan hari tua. I-Suri ialah program caruman sukarela bagi Ketua Isi Rumah (KIR) wanita atau isteri kepada KIR yang berdaftar dengan Pengkalan Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) yang mendapat insentif persaraan

- daripada Kerajaan sebanyak RM480 setahun dengan caruman minimum RM60 setahun; dan
- vi. KWSP juga akan memperkenalkan pengeluaran baharu pada tahun ini untuk membolehkan ahli membeli produk insurans atau takaful, seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2021. Pengeluaran ini dijangka akan memberi manfaat untuk perlindungan diri sendiri dan keluarga bagi penyakit kritikal dan kematian.

Langkah-langkah mengembalikan simpanan ahli KWSP

Dalam usaha membaik pulih simpanan ahli yang telah membuat pengeluaran i-Sinar dan i-Citra daripada Akaun 1, caruman baharu yang diterima daripada ahli-ahli yang terlibat akan dikreditkan ke dalam Akaun 1 sepenuhnya sehingga keseluruhan amaun pengeluaran yang diambil daripada Akaun 1 diganti semula. Setelah itu, pecahan caruman akan kembali kepada 70 peratus untuk Akaun 1 dan 30 peratus untuk Akaun 2.

Perkhidmatan khidmat nasihat

KWSP juga menyedari bahawa ahli KWSP perlu dibekalkan dengan pengetahuan kewangan supaya mereka mampu merancang kewangan dan mengurus simpanan persaraan dengan baik. Sehubungan itu, KWSP telah memperkenalkan *Retirement Advisory Service (RAS)* sejak tahun 2014 yang bertujuan untuk memberi khidmat nasihat persaraan secara percuma kepada ahli dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan kepentingan perancangan persaraan dan kewangan.

Panduan Perbelanjaan Belanjawanku

KWSP juga telah melancarkan Belanjawanku, satu panduan perbelanjaan minimum bulanan atas kategori dan perkhidmatan untuk pelbagai isi rumah. Belanjawanku boleh digunakan untuk merancang perbelanjaan peribadi dan keluarga. Sebagai projek perintis, Belanjawanku 2019 dikeluarkan berdasarkan pola perbelanjaan isi

NO SOALAN :372

rumah di Lembah Klang. Panduan Belanjawanku ini telah diperluaskan kepada bandar-bandar utama di negeri-negeri yang lain pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.